

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN

## Pelancongan pintar perkasa kelestarian industri



Profesor Madya  
Jabatan Komputeran  
Fakulti Seni,  
Komputeran dan  
Industri Kreatif,  
Universiti  
Pendidikan Sultan  
Idris (UPSI)

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin  
bhrencana@bh.com.my

**Sektor** pelancongan yang bakal dibuka semula dengan Pulau Langkawi sebagai projek rintis program gelembung perjalanan, memberi peluang industri itu bernafas kembali. Bersesuaian norma baharu, ia perlu mengambil kira pelancongan pintar atau Smart Tourism 4.0.

Kajian Monitor Deloitte mengenal pasti pelancongan pintar sebagai teras utama meningkatkan penerimaan berasaskan pelancongan di negara ini, terutama dari segmen pelancong bebas.

Ia boleh meningkatkan penerimaan pelancong berdasarkan angka hasil pelancongan Malaysia daripada AS\$25 bilion (RM104 bilion) kepada AS\$110 bilion (RM456 bilion) pada 2030, iaitu peningkatan 4.4 kali ganda.

Pelancongan maya pada dasarnya berkonsepkan hibrid dengan menggabungkan kedua-dua konsep realiti maya dan pelancongan. Dengan adanya ketersediaan teknologi seperti 5G, pelancong dapat melawat tempat kegemaran menerusi langganan lawatan ke lokasi secara maya dengan

kos berpatutan.

Mengikut laporan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), teknologi digitalisasi dicadangkan berfokus pengkomputeran awan dan rancangan mudah alih antara-bangsa menggunakan peranti serta alat bantu perjalanan untuk mengakses maklumat destinasi dalam masa nyata, tempahan dan pembayaran digital.

Begitu juga memanfaatkan data analisis kerana pengguna dan perniagaan perlu bekerjasama menghasilkan data baharu berterusan. Analisis data dapat meramalkan pilihan pelanggan dan menyalurkan tingkah laku pembelian, sekali gus digunakan untuk pengurusan pendapatan dan tawaran harga dinamik serta berpatutan.

Penggunaan kecerdasan buatan (AI), chatbot dan teknologi suara membolehkan pelancong melakukan carian internet, daftar masuk digital, mengakses perkhidmatan pendaftaran digital, pembantu suara serta ruang bilik pintar.

Teknologi ini menawarkan perkhidmatan berdasarkan permintaan diperibadikan dan disesuaikan untuk memudahkan pengembaraan tanpa had. Realiti terimbu (AR) dan realiti maya (VR) menerusi sistem realiti tambahan membolehkan pengalaman objek maya di dunia nyata.

Pada masa ini, banyak institusi atau lokasi pelancongan menawarkan pakej pelancongan secara maya secara percuma atau slot percubaan. Antaranya, Rijksmuseum di Amsterdam bekerjasama dengan Google Arts & Culture untuk mengadakan lapan lawatan maya di seluruh ruang seluas 30,000 meter persegi.

Pelancong juga boleh menikmati pengalaman melawat air terjun eksotik Iguazu di Amerika Selatan dan melihat pemandangan gunung di Taman Nasional Yosemite secara maya, malah penerbangan di atas gunung berapi secara maya.

Selain melawat perkuburan besar bawah tanah di Catacombes Paris, pengunjung juga boleh menyelam di Great Barrier Reef, mendaki Gunung Everest dan mengembara ke hutan hujan Amazon, malah terbang dalam belon udara panas atau melakukan perjalanan ke angkasa.

Sebenarnya, tempat bersejarah, taman, kawasan alam semula jadi dan muzium boleh menggabungkan ciri digitalisasi pelancongan pintar ke dalam penawaran lebih lestari.

Justeru, Malaysia yang kaya dengan tempat bersejarah serta keindahan flora dan fauna dapat dipromosikan menerusi pelancongan pintar secara berinovasi dan kreatif, sekali gus menjadi kunci utama memperkasakan kelestarian industri pelancongan negara.